

Tarikh Dibaca: 13 November 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MEMELIHARA BATAS-BATAS
PERGAULAN MENURUT ISLAM”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“MEMELIHARA BATAS-BATAS PERGAULAN MENURUT ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ يَعَصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ
حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian, marilah kita tingkatkan kertaqwaan kita yang sebenar-benarnya kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita berbahagia didunia dan diakhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"MEMELIHARA BATAS-BATAS PERGAULAN MENURUT ISLAM"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Ajaran Islam amat menitik beratkan batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Pergaulan ataupun percampuran antara lelaki dan perempuan selayaknya dilihat sebagai sesuatu yang besar impaknya kepada keruntuhan moral ummah. Sering kita dengar istilah kawan, adik, kakak, abang angkat juga yang mendakwa sebagai rakan sembang di alam maya atau apa jua istilah yang digunakan sebagai merujuk kepada hubungan sosial yang sebahagiannya menjurus kepada perbuatan mungkar.

Syariat Islam tidak melarang pergaulan antara lelaki dan wanita asalkan mengikut lunas dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh syarak. Malah Islam menggalakkan pergaulan yang sihat dan membuahkan manfaat kepada mereka. Dalam Islam pergaulan yang sihat mengambil kira batasan-batasan mahram dan juga jenis aktiviti yang dijalankan. Pergaulan itu ada dua jenis, iaitu pergaulan sesama jenis dan kedua pergaulan yang berlainan jenis. Jenis yang kedua itu yang sering menimbulkan masalah. Islam mengharuskan penyertaan yang berlainan jantina atas asas menuntut ilmu pengetahuan dan melakukan aktiviti-aktiviti berfaedah dengan menjaga adab-adab pergaulan yang tidak bertentangan dengan syariah



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Jika diimbangi tahun demi tahun senario yang berlaku di dalam masyarakat pada harini, dimana kes-kes tangkapan khalwat, kes rogol, kes cabul yang dilaporkan semakin berleluasa di sana sini adalah berpunca dari pergaulan yang melanggar batas-batas syarak. Justeru, ia adalah tanggungjawab kita bersama yang memerlukan perhatian dan tindakan daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada individu, keluarga, masyarakat dan negara bagi menangani masalah ini daripada terus menular sekiranya dibiarkan ia akan memusnah dan menghancurkan bangsa dan negara.

Fenomena duduk berdua-duaan di taman-taman, bermesra di café dan kedai-kedai makan, berjalan berdua-duaan sambil berpegangan tangan malah ada yang lebih licik dengan menyalah gunakan platform rasmi yang bernama 'meeting' di tempat-tempat yang mencurigakan. Perlu diingat bahawa pertemuan itu perlu ada batasan yang disebabkan keperluan yang tidak dapat dielakkan, dan juga atas dasar kerjasama yang terkawal tanpa menyebabkan perempuan terkeluar daripada fitrah kewanitaannya atau (tanpa) membawa fitnah dan gosip liar atau tanpa melalaikannya dari menunaikan kewajibannya beribadah. Tetapi, jika tiada sebab yang penting dan munasabah Islam melarang lelaki dan perempuan berjumpa dan bergaul bebas.

Hadis daripada Sayyidina Umar al-khattab RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:



"Janganlah bersunyi-sunyian (berkhalwat) seseorang lelaki dengan seseorang perempuan, kerana sesungguhnya syaitan bersama-sama mereka".

(Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam memelihara batas-batas pergaulan lagi, Allah menyuruh lelaki dan perempuan agar menundukkan sebahagian pandangan mereka apabila bertemu ataupun berselisih jalan sepertimana firmannya dalam surah An Nur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَتَحْفَظُوا
فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾
وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ
فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا...

"Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka;



dan janganlah mereka memperlihatkan persiapan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya...".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Ajaran Islam telah menggariskan prinsip dan hukum bagi lelaki dan perempuan apabila mereka ingin bertemu dan mempunyai urusan-urusan yang tertentu.

Islam telah meletakkan peraturan bahawa antara lelaki dan perempuan mesti mengawal pandangan dan tidak bebas bergaul antara keduanya. Sedangkan pandangan mata sahaja pun Islam sudah mengawal, inikan pula lebih dari itu seperti berbual-bual, bermesra, keluar sama-sama, berpegang-pegangan tangan malahan Islam tidak pernah merestui hubungan lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan belum berkahwin dengan tanpa batasan. Pendek kata, ia hanya akan meletakkan diri seseorang itu dalam keadaan berdosa serta boleh menjerumuskan diri ke dalam perzinaan.

Firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 32 :

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Menangani masalah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan merupakan perkara yang sewajarnya diberi perhatian secara yang bersungguh-sungguh. Cara bergaul itu sebenarnya, adalah lambang



ketinggian sahsiah. Walau di mana sekalipun seseorang itu berada, sahsiahnya ibarat ikan di dalam lautan, meskipun air laut itu masin, tetapi daging ikan itu tetap tawar! Dalam suasana apa pun seseorang itu berada, dia tetap memiliki prinsip dan pegangan agar pergaulan berlaku dengan sihat, terhindar daripada fitnah dan sekaligus dihormati oleh orang lain.

Usaha perlu dilakukan agar masyarakat kita kembali menghayati dan mempraktikkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian mereka. Sesungguhnya yang wajib pada demikian itu ialah bersama-sama dalam kebaikan, saling bantu membantu di atas kebajikan dan taqwa dalam lingkungan batasan-batasan yang telah digariskan oleh prinsip Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ^ص وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى
الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

"...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan..."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Peranan oleh ibu bapa juga tidak boleh di nafikan walaupun kemungkinan anak sudah dewasa dan bekerja, mereka boleh menziarahi anak-anak untuk mengetahui di mana dan dengan siapa mereka tinggal. Begitu juga sesekali ibu bapa hendaklah menziarahi anak yang sedang melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi bagi memupuk



hubungan kekeluargaan sekali gus mengelak terjebak daripada melakukan perbuatan yang mungkar. Selalulah berhubung dengan mereka agar mereka merasa diperhatikan walaupun ketika berjauhan. Lebih-lebih lagi Ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap anak dan dipersoalkan terhadap segala tingkah laku mereka selagi mereka belum berumah tangga.

Agak menyedihkan dalam mendidik keluarga ada di kalangan ibu bapa gagal memberikan kefahaman fardhu ain kepada anak-anak terhadap perkara yang meliputi aspek aqidah, ibadah dan akhlak. Tahap pemahaman yang lemah terhadap urusan agama lebih-lebih lagi urusan yang berkaitan dengan perkara-perkara asas fardhu ain seperti solat, puasa, zakat, menutup aurat dan sebagainya boleh menyebabkan implikasi yang tidak baik bagi membina sesebuah keluarga bahagia bagi mencari keredhaan Allah SWT.

Antara kegagalan yang ketara aspek didikan ibu bapa dapat kita perhatikan pada hari ini adalah ibu bapa redha dengan kemungkaran yang berlaku dalam rumahtangga. Anak-anak dan isteri dilihat tidak melaksanakan kewajipan sebagai seorang muslim dan muslimah. Mereka tidak solat, mereka mendedahkan aurat, bergaya dan mendedahkan bentuk tubuh badan melalui media sosial serta melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Syarak. Sebahagian Ibu bapa juga membiarkan anak-anak mendedahkan aurat dalam media-media sosial seperti facebook, twitter, instagram, whatsapp dan sebagainya. Sesetengah ibu bapa memilih untuk berdiam diri. Sikap ini boleh menjerumuskan ibubapa ke dalam golongan mereka yang dayus dan dilaknat oleh Allah SWT.

Sidang hadirin sekalian,

Melalui khutbah yang disampaikan pada hari ini perlulah diambil perhatian perkara-perkara berikut;



1. Umat Islam hendaklah mematuhi hukum dan batas-batas pergaulan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah dan umat Islam hendaklah menjauhi pergaulan bebas yang diharamkan dalam Islam.
2. Umat Islam hendaklah mendidik anak-anak dengan ilmu-ilmu agama yang sempurna supaya mereka dapat mematuhi batas-batas syarak dalam aspek pergaulan.
3. Setiap individu muslim wajib mencegah kemungkaran sama ada dengan tangan, yakni kuasa yang dimiliki ataupun sekiranya tidak mampu, cegahlah dengan lidah dan sekiranya tidak mampu juga, hendaklah degah dengan hati.
4. Umat Islam hendaklah menerima setiap teguran dengan hati yang terbuka dan ikhlas dan janganlah bersikap sombong, ego dan angkuh.
5. Masyarakat setempat perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam mencegah dan melaporkan perkara-perkara yang tidak bermoral.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ



اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَأَوْلِيكَ سَيَرَحْمَهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah at-Taubah : 71).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.